

## **CABARAN INDIVIDU KURANG UPAYA PENGLIHATAN MENGHAFAZ AL-QURAN DI MALAYSIA**

***Hajarul Bahti Zakaria<sup>1</sup> & Norshidah Mohd Salleh<sup>2</sup>***

*Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>1,2</sup>*

*hajarul@ipgkik.edu.my<sup>1</sup>*

### **ABSTRACT**

*This article is a study to explore the challenges faced by individuals with visual impairment to memorize the Quran in Malaysia. Tahfiz education is a growing field in Malaysia. Individuals with visual impairments are also seen to be involved in the field of memorizing the Quran. Despite facing constraints due to visual impairment compared to typical individuals, but there are still among them who managed to memorize 30 verses of the Qur'an. This study was produced out of admiration for the success of the minority among them in memorizing the Quran. This study uses a qualitative approach of case study method, single case type involving three individual study participants of visual impairment who have successfully completed memorization of 30 verses of the Quran. This study uses semi -structured interviews as the main data collection method. The results of the interviews found that there are several challenges faced by individuals with visual impairment in order for them to complete memorization of the Qur'an perfectly, among which three main challenges have been identified namely the Braille Qur'an, memorization methods, and support services. It is hoped that the findings of this study can be used as a guide to address and face these challenges with various improvements to produce more huffaz among individuals with visual impairment.*

*Keywords:* Tahfiz Education, individuals with visual impairment, challenges, memorization of the Quran.

### **ABSTRAK**

Artikel ini adalah satu kajian untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh individu kurang upaya penglihatan (IKP) untuk menghafaz al-Quran di Malaysia. Pendidikan tahniz adalah bidang yang semakin berkembang di Malaysia. Individu kurang upaya penglihatan dilihat terlibat sama menceburkan diri dalam bidang hafazan al-Quran. Walaupun menghadapi kekangan disebabkan kurang upaya penglihatan berbanding individu tipikal, namun tetap ada dalam kalangan mereka yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran. Kajian ini dihasilkan kerana kekaguman terhadap kejayaan minoriti dalam kalangan mereka menghafaz al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kaedah kajian kes, jenis kes tunggal yang melibatkan tiga orang peserta kajian IKP yang telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Kajian ini menggunakan temu bual separa struktur sebagai kaedah pengumpulan data utama. Hasil temu bual mendapat terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh IKP dalam usaha mereka menamatkan hafazan al-Quran dengan sempurna, antaranya tiga cabaran utama telah dikenal pasti iaitu al-Quran Braille, diri sendiri, dan juga khidmat sokongan. Dapatkan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk menangani dan menghadapi cabaran tersebut dengan pelbagai penambahbaikan bagi melahirkan lebih ramai huffaz dalam kalangan individu kurang upaya penglihatan di Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan tahniz, individu kurang upaya penglihatan, cabaran, hafazan al-Quran

## PENGENALAN

Individu kurang upaya penglihatan didefinisikan sebagai individu yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad walaupun menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata, kanta sentuh atau alat-alat optik yang lain. Mengikut Victor et al. (2018), kurang upaya penglihatan merupakan istilah yang merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai daya penglihatan. Manakala dari perspektif pendidikan khas, IKP belajar melalui kaedah taktil, auditori dan pengalaman estetik tanpa memerlukan daya penglihatan (Victor et al., 2018). Tahap kurang upaya terbahagi kepada dua kategori iaitu penglihatan terhad dan buta (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Manakala definisi dalam konteks pendidikan khas, adalah mereka yang kurang upaya penglihatan, belajar melalui kaedah tektual, auditori dan pengalaman estetik tanpa memerlukan daya penglihatan (Nur Khairul Nisha & Haris, 2017). Kurang upaya penglihatan berlaku akibat kegagalan mata untuk berfungsi dan ini memberi kesan kepada tingkah laku individu tersebut (Victor et. al., 2018). Kesan kurang upaya penglihatan kepada tingkah laku individu ini membataskan pengalaman dan peluang pembelajaran mereka, kerana mereka mengalamikekangan untuk menerima maklumat secara langsung dari persekitaran dan sukar untuk memperoleh maklumat secara visual (Sacks & Silberman, 2010; Norshidah et al., 2018). Walau bagaimanapun, kesan ini dapat diatasi bergantung kepada bagaimana cara mereka memperoleh pengetahuan daripada pengajaran dan pembelajaran (Mayara et al., 2019). Proses menyesuaikan amalan pengajaran dan juga bahan-bahan pembelajaran penting untuk membantu mereka belajar dengan lebih berkesan (Aydin et al., 2020; Dursin, 2012).

Ibu bapa dan guru adalah individu terdekat yang bertanggungjawab memastikan murid kurang upaya penglihatan dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. Jika diberi peluang serta menerima asuhan dan didikan yang sesuai dengan keperluan, perkembangan sosial, emosi, linguistik, dan kognitif kanak-kanak tersebut dapat dipupuk dan berkembang sebaiknya, mereka boleh berjaya dengan cemerlang walaupun terdapat kekangan untuk melihat yang dialami individu tersebut (Emmanuel et al., 2018) . Salah satu faktor yang menentukan kejayaan akademik dalam kalangan individu kurang upaya penglihatan ialah kebijaksanaan dan kreativiti guru melaksanakan pengajaran. Ini dapat direalisasikan melalui penetapan matlamat pendidikan, pemilihan gaya pengajaran dan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid kurang upaya penglihatan (Norshidah & Khalim, 2010). Apabila guru merancang gaya pengajaran dan memilih bahan pengajaran yang sesuai dengan keperluan dan tahap kurang upaya murid, maka perkara ini akan meningkatkan kebolehan dan pengalaman pembelajaran visual murid secara optimum melalui media pembelajaran lain seperti pendengaran dan sentuhan, seterusnya mampu menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran dengan lebih baik (Abdul Jamir et al., 2012).

## PERNYATAAN MASALAH

Individu kurang upaya penglihatan di Malaysia juga mengikuti sistem pendidikan yang sama sebagaimana individu tipikal, bermula dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke institusi pengajian tinggi sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ataupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) (Nur Khairul Nisha & Haris, 2017). Terdapat beberapa program telah disediakan oleh kerajaan untuk golongan ini dalam melaksanakan sebahagian daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan, antaranya ialah Program Pendidikan Khas, Program Integrasi dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Pewujudan program-program ini menunjukkan bahawa hak dan peluang IKP untuk menyertai sistem pendidikan formal di Malaysia tidak diabaikan (Jabatan Pendidikan Khas, 2000).

Selain daripada memberi tumpuan kepada pelajar kurang upaya penglihatan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, kerajaan juga dalam masa yang sama memberi tumpuan kepada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Pendidikan aliran Tahfiz adalah antara aliran pendidikan yang semakin berkembang di Malaysia pada masa kini (Norlizah et al., 2017). Bagi mendepani dunia pendidikan yang semakin maju dan mencabar, kerajaan telah mensasarkan untuk melahirkan seramai 125 000 huffaz profesional dalam pelbagai bidang menjelang tahun 2050 melalui agenda Transformasi Nasional 50 (TN50) (Anis Syahirah & Sabri, 2017). Menghafaz al-Quran adalah sebahagian daripada amalan kerohanian untuk memperkasakan aspek mental, jiwa dan intelektual. Proses menghafaz al-Quran ini adalah adunan ilmu al-Quran dan akademik yang bersepadan bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan holistik serta berkemampuan untuk mendepani cabaran dunia masa kini. Sasaran melahirkan huffaz profesional ini juga tidak mengecualikan penyertaan IKP. Kekurangan dan keterbatasan pancaindera mereka tidak sesekali membataskan kehidupan seharian mereka. Tuntutan mempelajari dan mentadabbur al-Quran juga tidak terkecuali ke atas mereka sebagaimana golongan tipikal dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai hafiz al-Quran dalam kalangan IKP di negara ini (Siti Nor Azimah et al., 2016).

Tinjauan literatur mendapati kanak-kanak kurang upaya penglihatan mempunyai kebolehan kognitif yang sama dengan kanak-kanak tipikal, tetapi perkembangan kognitif mereka mengalami sedikit kelewatan disebabkankekangan penglihatan (Frederickson & Cline, 2009). Walau bagaimanapun,kekangan tersebut bukan menjadi faktor utama kelemahan mereka, kerana terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan seseorang individu kurang menguasai sesuatu kemahiran, seperti amalan pembelajaran (Azmil et al., 2014), sikap individu sendiri (Abdul Hakim et al., 2015) dan juga faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian mereka (Norhasni et al., 2015). IKP juga didapati kurang menguasai bacaan al-Quran kerana faktor amalan pembelajaran, sikap dan persekitaran (Hajarul Bahti, 2016). Walau bagaimanapun, ada juga dalam kalangan IKP yang mampu menunjukkan kekuatan diri dengan mencapai kejayaan yang setara dalam akademik seperti individu tipikal. Hal ini tidak terkecuali dalam penguasaan hafazan al-Quran, terdapat IKP yang telah berjaya menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk dengan baik, seterusnya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi selepas menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran (Siti Nor Azimah et al., 2016). Proses melahirkan seorang penghafaz al-Quran bukanlah suatu perkara yang mudah kepada golongan tipikal, apatah lagi golongan kurang upaya penglihatan. Walau bagaimanapun, dalam kekangan yang ada untuk mempelajari al-Quran, tetapi masih terdapat juga pelajar kurang upaya penglihatan yang menunjukkan kejayaan dalam menghafaz al-Quran.

Walaupun berjaya mencapai kejayaan menghafaz al-Quran, IKP juga menghadapi pelbagai kekangan bergantung kepada banyak faktor seperti tahap kecerdasan individu, tahap kehilangan penglihatan, dan umur semasa didiagnosis mengalami masalah penglihatan, faktor-faktor keluarga seperti tahap sosio ekonomi (Sumyea et al., 2019), persekitaran keluarga (Wei Wei, et al., 2020), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak (Mohd Fazli et al., 2013) dan khidmat sokongan yang diterima juga membantu seseorang itu berjaya (Stacy et al., 2015). Pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh IKP untuk belajar. Antara cabaran paling sukar yang dihadapi oleh mereka adalah kesediaan institusi itu sendiri untuk menerima pelajar kurang upaya (Raja Nur Fakhriah & Aizan Sofia, 2018). Tidak banyak institusi yang dapat menerima mereka memandangkan kekangan penglihatan yang dihadapi memerlukan kepada pelbagai komitmen daripada tenaga pengajar yang kebanyakannya tidak mempunyai kepakaran untuk mengajar pelajar-pelajar ini (Ahmad Yunus, 2016). Selain daripada itu, keadaan di mana fakulti juga kurang pemahaman mengenai pelajar kurang upaya yang turut menyumbang kepada kesukaran untuk melakukan akomodasi terhadap

mahasiswa berkeperluan khas kerana mereka tidak biasa dengan perkhidmatan di kampus (Johnson, 2006).

Cabarannya yang dihadapi bukan sahaja datang dari institusi malah juga datang dari pelbagai aspek termasuklah rakan sebaya sebagai mahasiswa yang menuntut di IPT yang sama dan juga para pensyarah (Hasnah et al., 2011). Bukan itu sahaja, keperluan-keperluan khas yang diperlukan oleh pelajar kurang upaya turut perlu dititikberatkan. Hal ini demikian kerana, mereka memerlukan lebih perhatian dan keperluan khas berbanding dengan pelajar lain. Pelajar kurang upaya penglihatan bukan sahaja memerlukan kemudahan-kemudahan yang spesifik untuk mereka namun mereka turut memerlukan khidmat sokongan untuk meneruskan pembelajaran mereka di IPT. Contohnya, pelajar buta memerlukan peralatan sokongan khas seperti komputer dan software mesra IKP terutamanya di perpustakaan bagi memudahkan mereka belajar (Nur Atiqah & Noornajihan, 2018). Mereka juga mereka memerlukan bahan bantuan bacaan berbentuk Braille (Hasnah et al., 2009). Cabaran lain yang dihadapi oleh IKP dalam pembelajaran adalah kemudahan yang mereka perlukan berbeza dengan keperluan pelajar tipikal (Abu Bakar et al., 2014). Kemudahan seperti bangunan yang lengkap dengan fasiliti, tempat letak kereta, lif dan sebagainya perlu dinaiktaraf. Bukan itu sahaja, mereka juga memerlukan khidmat sokongan daripada persekitaran sosial untuk meningkatkan kualiti hidup mereka (Roslinda et al., 2013; Norshidah et al., 2018). Oleh itu, pelbagai kemudahan perlu disediakan oleh pihak yang berkenaan bagi mengambil kira cabaran-cabaran persekitaran yang dihadapi oleh IKP untuk belajar.

Berlandaskan kajian-kajian yang telah dibuat, pengkaji cuba meneroka cabaran yang dihadapi oleh IKP dalam menghafaz al-Quran. Ini kerana di sebalik kejayaan menghafaz 30 juzuk al-Quran, mereka juga mungkin menghadapi pelbagai kekangan yang tidak diketahui. Gelaran sebagai huffaz bukanlah satu perkara yang boleh dibanggakan kerana ia adalah satu amanah daripada Allah s.w.t. Oleh itu, terdapat pelbagai cabaran sepanjang perjalanan menuju cita-cita yang mulia ini. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh mereka untuk berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh individu kurang upaya penglihatan untuk menghafaz al-Qur'an.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Apakah cabaran yang dihadapi oleh individu kurang upaya penglihatan untuk menghafaz al-Qur'an?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kaedah kajian kes, jenis kes tunggal. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih peserta kajian yang melibatkan tiga orang individu kurang upaya penglihatan. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan mereka yang telah berjaya menamatkan keseluruhan hafazan al-Quran sebanyak 30 juzuk. Kajian ini menggunakan temu bual separa struktur sebagai kaedah pengumpulan data utama.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk diakui adalah satu perkara yang sukar. Walau bagaimanapun ada individu yang berjaya menghafaz keseluruhan al-Quran termasuk individu ketidakupayaan penglihatan. Kajian ini cuba meneroka cabaran yang dihadapi oleh IKP dalam usaha untuk mereka menghafaz al-Quran. Pengkaji mendapat terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi iaitu (1) al-Quran Braille, (2) diri sendiri dan (3) khidmat sokongan.

### **Pertama: Al-Quran Braille**

Kajian ini mendapat cabaran pertama yang dihadapi oleh IKP dalam menghafaz al-Quran ialah al-Quran Braille itu sendiri. Antara sub tema yang diperolehi daripada cabaran al-Quran Braille ini ialah sukar, berbeza dan juga tanda baca.

Pengguna al-Quran Braille menghadapi kesukaran untuk membawa al-Quran Braille ke mana-mana tempat, disebabkan keadaannya yang berat dan agak besar berbanding al-Quran yang biasa digunakan oleh individu tipikal. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk membuat pengulangan di tempat-tempat awam, disebabkan sukar untuk membawa al-Quran Braille kepunyaan sendiri. Ini dinyatakan oleh beberapa peserta kajian seperti berikut:

*“...selain tu, cabaran dari segi fizikal. Quran Braille ni besar, berat dan kurang sesuai untuk dibawa ke mana-mana” PK1:644*

*“...saiz al-Quran Braille itu sendiri yang agak besar dan berat untuk dibawa ke mana-mana. Hal ini menyukarkan untuk dibawa ke masjid ataupun kelas-kelas yang lain” PK3:651*

*“...al-Quran Braille itu terdiri daripada enam jilid untuk melengkapkan ia menjadi 30 juzuk. Jadi sekiranya ingin mengulang ataupun membaca juzuk tertentu, mereka perlu mencari juzuk tersebut dan membawanya...” PK3:657*

Peserta kajian menghadapi kesukaran untuk membawa al-Quran Braille ke tempat-tempat lain disebabkan ketebalan jilid al-Quran tersebut. Penulisan al-Quran Braille memerlukan empat muka surat lebih banyak daripada al-Quran biasa, dan ketebalan kertasnya juga adalah lebih tebal berbanding al-Quran biasa. Bagi para penghafaz al-Quran, mereka perlu sentiasa berada bersama-sama dengan al-Quran mereka untuk mengulang hafazan pada waktu-waktu lapang, tetapi perkara ini agak sukar dilakukan kerana IKP tidak dapat membawa al-Quran ke mana-mana disebabkan berat serta bilangan jilidnya yang banyak. Mereka juga perlu merujuk kepada ayat-ayat tertentu yang mungkin berbeza jilid, menyebabkan berlaku kesukaran untuk membuat pengulangan, melainkan mereka perlu berada di tempat khusus yang mempunyai al-Quran Braille untuk menghafaz dan juga mengulang al-Quran. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak institusi pengajian agar dapat menyediakan keperluan tersebut bagi memudahkan IKP menghafaz al-Quran.

Selain daripada itu, kajian ini juga mendapat cabaran dalam kalangan IKP untuk menghafaz al-Quran apabila menggunakan al-Braille ini adalah wujudnya perbezaan di antara al-Quran Braille dengan al-Quran biasa. Perbezaan ini melibatkan perbezaan muka surat, kedudukan maqra' dan juga penentuan juzuk kerana penulisan al-Quran Braille menggunakan muka surat yang lebih banyak daripada al-Quran biasa. Ini dinyatakan oleh semua peserta kajian. Sebagai contohnya:

*“...cuma saya perlu mencatat nombor ayat permulaan maqrak kerana setahu saya quran braille tidak disertakan tanda maqrak tersebut...” PK1:478*

“...cuma bila kita menyemak dengan rakan atau guru dan kita tidak ingat ayat tersebut, mereka akan memberi gambaran seperti dalam mushaf biasa yang tentunya tidak sama dengan mushaf braille...”PK2:594

“ Cabaran yang dihadapi semasa menggunakan al-Quran Braille untuk menghafaz ialah penentuan juzuk, muka surat dan maqra' yang tidak sama seperti al-Quran biasa dan hal ini menyukarkan saya jika ada guru yang meminta untuk menghantar hafazan mengikut muka surat al-Quran biasa, Quran Braille tak mampu untuk mengikuti muka surat Quran biasa...”PK1:469

Perkara yang telah dinyatakan seperti ketidakseragaman penulisan, tiada tanda bacaan serta perbezaan muka surat, juzuk dan juga maqra' telah menjadi kesukaran kepada IKP untuk menghafaz al-Quran. Masalah berlaku apabila guru menyoal mereka dengan menyebut muka surat yang perlu dibaca mengikut muka surat dalam al-Quran biasa, maka mereka akan keliru untuk membacakan ayat tersebut. Guru perlu menyesuaikan muka surat, ayat dan maqra' dengan menggunakan versi al-Quran Braille, bagi memudahkan mereka mengingat hafazan tersebut.

Dapatan seterusnya yang diperolehi daripada kajian ini, IKP menghadapi cabaran ketidaaan tanda bacaan yang sama seperti dalam al-Quran biasa. Terdapat beberapa tanda bacaan yang tidak ditulis di dalam al-Quran Braille, ini menjadikan mereka sukar untuk membaca dengan tepat sesuatu bacaan ayat-ayat al-Quran. Antara contoh temu bual yang diperolehi adalah:

“*Quran Braille, ni tiada tanda baca sebagai panduan. Yang ada cuma huruf dan baris. Tiada tanda panjang pendek di mana, tiada perlu dengung atau tidak, letak waqaf pun ada yang tak sama dgn quran biasa. Cabarannya, kami perlu mengingat dan mengetahui setiap hukum tajwid dan panjang pendek ayat quran tersebut...*”PK1: 638

Temu bual guru juga menyokong dapatan temu bual pelajar ini. Sebagai contohnya:  
“...kemudian al-Quran Braille ni, ada tanda-tanda baca yang ada dalam Quran biasa, tapi tak ada dalam quran Braille. Jadi agak susah pelajar OKU Penglihatan ni nak sebut sesuatu hukum tajwid tu...”GR2: 983

Cabarannya ialah terdapat sebahagian tanda baca yang tidak terdapat di dalam al-Quran Braille versi yang digunakan, maka ini sedikit menyukarkan IKP untuk mengenali hukum-hukum tajwid dan juga cara bacaan pada bahagian-bahagian tersebut. Para guru perlu memberi penjelasan khusus kepada mereka, agar mereka juga dapat mengenali dan mengaplikasikan tanda baca yang tiada dalam al-Quran Braille sama sebagaimana sebutan yang betul dalam al-Quran biasa. Walau bagaimanapun, versi al-Quran Braille JAKIM yang dikemaskini 2021 telah dilakukan penambahbaikan terhadap perkara ini.

## Kedua: Diri sendiri

Kajian ini mendapati cabaran yang datang dari diri sendiri adalah cabaran kedua yang dihadapi oleh IKP untuk menghafaz al-Quran. Antara sub tema cabaran dari diri sendiri ini adalah (1) pengalaman, (2) masa dan (3) mudah terganggu.

Cabaran paling utama dalam kalangan IKP adalah tidak mempunyai pengalaman pembelajaran dalam bidang agama sebelum memulakan hafazan al-Quran secara formal ini, menjadikan mereka agak sukar untuk memulakan hafazan pada peringkat awal, sebagaimana contoh temu bual berikut:

“...sebagai permulaan, saya merupakan pelajar sekolah kebangsaan yang tidak memiliki sebarang asas dalam bahasa arab dan hafazan al-Quran. Saya masuk ke DQ dalam keadaan

*zero. kosong dan terpinga-pinga. pada mulanya, saya mengambil masa selama dua minggu untuk habiskan 1 juz. tapi lama-kelamaan, bila dah dapat rentak, lebih laju saya boleh buat. Alhamdulillah... ”PK1:1*

*“Saya mula hafaz Quran pada tahun 2010. Pada mulanya, agak susah untuk menghafaz kerana tiada pengalaman. Saya pernah menghafaz ayat-ayat pendek sahaja... ”PK2:19*

*“...Selain itu, sebenarnya saya bukanlah bersekolah rendah mahupun menengah dalam bidang agama. Apatah lagi bahasa Arab yang perlu dikuasai untuk mendalami bidang Islam... ”PK3:225*

Cabarans dalam diri sendiri adalah merupakan cabaran yang tinggi dalam kalangan peserta kajian, kerana ramai peserta kajian menghadapi cabaran ini. IKP didapati menghadapi cabaran untuk menghafaz al-Quran yang berpunca daripada masalah diri sendiri. Antara cabaran yang mereka hadapi ialah tiada pengalaman dan juga tidak pernah mengikuti bidang asas pengajian Islam sebelum masuk ke institusi untuk menghafaz al-Quran. Perkara ini menyebabkan mereka perlu mendapatkan tumpuan khusus daripada guru-guru terutamanya untuk membetulkan bacaan serta mendalami hukum tajwid. Antara cabaran guru untuk mengajar IKP adalah guru mengalami kesukaran dalam mengajar pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas al-Quran Braille (Raja Nur Fakhriah & Aizan Sofia, 2018), tetapi hal ini tidak berlaku kepada peserta kajian ini kerana mereka telah mempunyai kemahiran dalam membaca al-Quran Braille. Cuma apa yang berlaku ialah kemahiran asas tajwid dan bacaan-bacaan al-Quran masih perlu diberi penekanan khusus bagi melancarkan proses hafazan al-Quran. Perkara ini memerlukan masa yang lebih panjang diberikan kepada IKP untuk menghafaz al-Quran seperti kelas intensif, bengkel tajwid dan sebagainya.

Individu ketidakupayaan penglikhatan juga menghadapi cabaran dari aspek masa, khususnya untuk menulis ayat-ayat hafazan menggunakan brailler dan juga untuk merujuk kitab tafsir dan maksud ayat sebelum menghafaz. Sebagai contohnya:

*“...mengambil masa yang lama untuk menulis dan menyemak ayat yang telah ditulis... ”PK2:668*

*“...melihat tafsir ayat al-Quran Braille antara perkara yang boleh dilakukan untuk membantu hafazan namun, ia menjadikan masa menghafaz terlalu lama... ”PK2:522*

*“Pada pandangan saya, al-Quran itu memang boleh ditulis menggunakan al-Quran Braille tetapi ia memerlukan masa yang agak lama untuk menulis satu-satu ayat ataupun surah yang tertentu... ”PK3:671*

*“...kekangan masa dan sukanan yang perlu dihafaz. Perkara ini banyak juga terjadi pada OKU Penglikhatan terutamanya di institusi seperti Darul Quran. Saya berpandangan, kemahiran dan kemampuan seseorang individu berbeza antara satu sama lain. Mereka juga memerlukan kaedah yang berlainan dalam menghafaz al-Quran... ”PK3:773*

*“...tidak ada masa yang mencukupi untuk betulkan bacaan di depan guru. Masa yang ada pun cukup-cukup untuk tasmi’... ”PK1:516*

Kekangan penglikhatan yang ada menjadikan IKP agak mudah terganggu apabila ada bunyi-bunyi lain sewaktu mereka sedang menghafaz ataupun tasmi'. Sebagai contohnya temubual berikut:

*“Guru saya berkebolehan untuk mendengar dua bacaan berlainan dalam masa yang sama. Tapi itu agak bermasalah kepada saya sebab saya mudah terganggu dengan bunyi lain dan menyebabkan senang untuk melakukan kesalahan...” PK1:444*

### **Ketiga: Khidmat sokongan**

Cabarannya seterusnya yang dihadapi oleh IKP untuk menghafaz al-Quran ialah khidmat sokongan. Kajian ini mendapat tiga sub tema cabaran yang dihadapi daripada khidmat sokongan tersebut iaitu (1) penyemak, (2) audio, dan (3) prasarana.

Kajian ini mendapat kekurangan atau ketiadaan penyemak braille adalah cabaran kepada individu ketidakupayaan untuk menghafaz al-Quran. Kaedah asas para penghafaz al-Quran adalah menulis ayat-ayat hafazan, sama ada sebelum atau selepas menghafaz. Walau bagaimanapun, perkara ini menjadi cabaran untuk dilaksanakan dalam kalangan IKP, kerana kurang penyemak, dan tidak ramai penyemak yang mahir untuk menyemak tulisan braille. Sebagai contohnya:

*“...guru saya mengatakan bahawa tidak ada sesiapa yang mampu menyemak tulisan saya dan tahriri memerlukan kertas Braille yang banyak dan tebal, masalah ruang.” PK1:439*

*“...saya hanya menulis menggunakan Brailler ketika exam sahaja. Masalah ketika itu adalah, ketiadaan penyemak Braille yang mahir” PK1:549*

*“Tahriri pun tidak dibuat atas faktor ketiadaan penyemak. Cabarannya berganda daripada pelajar biasa...” PK3:614*

Dalam masa yang sama, terdapat juga penyemak yang kurang peka dengan kesilapan yang dilakukan oleh IKP ini. Mereka tidak menegur kesilapan bacaan yang berlaku, sehinggalah disedari sendiri oleh penghafaz tersebut. Ini adalah cabaran kepada IKP, kerana mereka tidak dapat melihat kesilapan mereka, melainkan mendapat teguran daripada penyemak dengan tepat. Sebagai contohnya:

*“Saya memperdengarkan hafazan kepada orang lain tetapi, masalah yang dihadapi apabila mereka terlepas menegur kesalahan dan apabila kita melihat semula ayat selepas tasmi’ dengan mereka, ternyata ada kesalahan yang tidak ditegur” PK2:603*

Kajian ini juga mendapat IKP menghadapi cabaran audio dalam menghafaz al-Quran, sekiranya kualiti audio yang diperolehi kurang baik, mereka akan menghadapi kesukaran untuk mengesan cara bacaan yang betul ataupun mengesan ketepatan sebutan tajwid yang dilakukan semasa membaca ayat hafazan. Sebagai contohnya:

*“Cabarannya dihadapi semasa menggunakan alat bantu menghafaz ialah jika menggunakan audio, kualiti audio yang tidak baik akan menjelaskan pendengaran terhadap ayat yang dihafaz” PK2:615*

*“...mendengar ayat yang ingin dihafaz boleh membantu untuk menghafaz namun, apabila kita mendengar sahaja, ia terkadang akan menimbulkan masalah dari segi ketepatan tajwid” PK2:508*

Sub tema terakhir yang dikenal pasti daripada tema cabaran khidmat sokongan, adalah cabaran prasarana. Masih ada keperluan-keperluan yang perlu ditangani dan ditambahbaik untuk meningkatkan kualiti hafazan mereka (PK3:625,634). Sebagai contohnya:

*“...pandangan saya, mungkin kemudahan-kemudahan ini boleh dinaiktaraf dari semasa ke semasa bagi memastikan penggunaannya sentiasa relevan dengan OKU Penglihatan itu*

*sendiri. Contohnya perisian dalam computer yang disediakan hendaklah lengkap dan bersesuaian dengan Oku Penglihatan... ”PK3:625*

*“...selain itu, kemudahan seperti alat menaip Braille juga perlu ditambah dan ditambahbaik. Mungkin ada Braille yang telah lama digunakan tanpa diselanggara dengan sebaiknya menyebabkan masalah kepada pelajar ketika menggunakan... ”PK3:634*

Antara cabaran paling sukar yang dihadapi oleh IKP adalah kesediaan institusi pengajian sendiri untuk menerima pelajar kurang upaya (Raja Nur Fakhriah & Aizan Sofia, 2018). Johnson (2006) menyatakan fakulti kurang pemahaman mengenai IKP, turut menyumbang kepada kesukaran untuk melakukan akomodasi terhadap mahasiswa berkeperluan khas kerana mereka tidak biasa dengan perkhidmatan di kampus. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja datang dari institusi malah cabaran tersebut datang dari pelbagai aspek termasuklah daripada rakan sebaya, pensyarah dan juga rakan-rakan yang menuntut di IPT yang sama (Hasnah et al., 2009). Bukan itu sahaja, keperluan khas yang diperlukan oleh pelajar kurang upaya turut perlu dititikberatkan. Raja Nur Fakhriah dan Aizan Sofia (2018) juga menyatakan bahawa staf sokongan juga masih mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang keperluan OKU. Mereka masih lagi tidak mengetahui perkara-perkara asas mengenai keperluan dan keterbatasan pelajar kurang upaya khususnya pelajar kurang upaya penglihatan.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati cabaran khidmat sokongan yang dihadapi oleh IKP menghafaz al-Quran adalah berbeza dengan kajian Raja Nur Fakhriah dan Aizan Sofia (2018), iaitu institusi bersedia menerima mereka dengan baik, begitu juga dengan sokongan dan bantuan daripada staf sokongan, pensyarah dan juga rakan-rakan, Cuma mereka menghadapi masalah dari aspek penyemak hafazan. Disebabkankekangan penglihatan yang dihadapi, sekiranya penyemak hafazan tidak melakukan semakan dengan betul, maka mereka akan meneruskan bacaan dengan cara yang salah, oleh itu para penyemak hafazan kepada IKP ini perlu mengambil berat tentang bacaan mereka. Segala kesilapan perlu ditegur dan diberitahu, agar kualiti hafazan mereka menjadi baik menyamai individu tipikal.

Dalam masa yang sama, kebanyakan IKP juga menggunakan bahan bantu audio untuk mendengar contoh-contoh bacaan qari-qari terkenal, mendengar bacaan melalui audio adalah antara kaedah yang baik untuk individu ketidakupayaan penglihatan. Walau bagaimanapun, keadaan kualiti audio perlu dijaga dengan sebaiknya, kerana apabila kualiti audio tersebut kurang baik, mereka tidak akan dapat mendengar dengan tepat bacaan-bacaan serta hukum tajwid yang dibaca sebagai contoh. Mereka akan menghadapi kesukaran untuk mengesan cara bacaan yang betul ataupun mengesan ketepatan sebutan tajwid yang dilakukan semasa membaca ayat hafazan. Ini akan menyebabkan mereka meneruskan hafazan dengan cara bacaan yang silap.

Selain daripada itu, satu lagi cabaran yang dihadapi adalah prasarana. Kajian mendapati, keperluan Braille dan juga kemudahan komputer yang dilengkapi dengan perisian untuk IKP masih berkurangan di institusi pengajian tahnif ini. Keperluan khas yang diperlukan oleh IKP ini perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana, mereka memerlukan lebih perhatian dan keperluan khas berbanding dengan pelajar lain. Hal ini dinyatakan oleh Hasnah (2009) bahawa pelajar kurang upaya bukan sahaja memerlukan kemudahan-kemudahan yang spesifik untuk mereka namun mereka turut memerlukan khidmat sokongan untuk meneruskan pembelajaran mereka di IPT. Sebagai contoh, pelajar kurang upaya penglihatan memerlukan peralatan sokongan khas seperti komputer dan *software* mesra OKU penglihatan terutamanya di perpustakaan bagi memudahkan mereka melakukan rujukan dan juga pencarian maklumat dan sebagainya (Hasnah, 2009)

khususnya berkaitan al-Quran, tafsir dan tajwid. Hal ini juga disokong oleh kenyataan Abu Bakar et al. (2014) yang menyatakan bahawa bagi pelajar kurang upaya penglihatan yang tidak nampak keseluruhannya, mereka memerlukan bahan bantuan bacaan berbentuk Braille. Oleh itu, pelbagai kemudahan perlu disediakan oleh pihak yang berkenaan. Kemudahan yang mereka perlukan berbeza dengan keperluan pelajar tipikal (Abu Bakar et al., 2014).

Sebagai kesimpulannya, cabaran yang datang daripada al-Quran Braille, diri sendiri dan juga khidmat sokongan adalah perkara utama yang dihadapi oleh individu kurang upaya penglihatan ketika mereka menghafaz al-Quran. Keadaan al-Quran Braille yang berat dan sukar dibawa, perbezaan penulisan yang wujud di antara al-Quran Braille dengan al-Quran biasa dan juga perbezaan tanda baca yang ada telah menyukarkan IKP dalam proses hafazan mereka. Selain daripada itu, cabaran yang datang dari diri sendiri juga adalah perkara yang perlu ditangani dalam usaha untuk membantu IKP menghafaz al-Quran, iaitu mereka tidak mempunyai pengalaman awal dalam bidang pengajian Islam, cabaran masa yang tidak mencukupi dan juga gangguan pendengaran yang dihadapi pada waktu menghafaz al-Quran. Manakala cabaran ketiga yang dihadapi, adalah berpunca daripada khidmat sokongan. Antara khidmat sokongan yang mereka perlukan adalah mendapatkan penyemak yang baik dan berkualiti, penyediaan audio yang berkualiti untuk menghafaz dan juga prasarana yang lengkap dan mencukupi serta bersesuaian dengan ketidakupayaan penglihatan yang dihadapi.

## PENUTUP

Sebagai penutup, beberapa saranan penambahbaikan adalah dicadangkan berdasarkan tiga cabaran utama yang dihadapi oleh IKP iaitu al-Quran Braille, diri sendiri dan khidmat sokongan. Antaranya ialah menyediakan perkhidmatan al-Quran Braille yang lebih mesra guna agar memudahkan untuk dirujuk dan dibaca serta diulang-ulang walaupun berada di mana-mana sahaja, serta membuat semakan dan penambahbaikan penulisan dan tanda baca al-Quran Braille yang standard dengan al-Quran biasa. Selain daripada itu, juga menyediakan modul-modul yang dapat membangunkan motivasi diri dan juga kesediaan IKP untuk menghafaz al-Quran, di samping menyediakan khidmat sokongan yang baik dan menyokong ketidakupayaan yang dialami sehingga membantu dan memudahkan mereka menghafaz al-Quran dengan baik.

## RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). *Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Arab*, Bil 10. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 104-121.
- Abdul Jamir Md Saad, Ab Halim Tamuri & A'dawiyah Ismail. (2012). *Pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan Pendidikan Islam*. Retrieved from [www.ipislam.edu.my/index.phd/research/tag/PKPI2012](http://www.ipislam.edu.my/index.phd/research/tag/PKPI2012): [www.ipislam.edu.my/index.phd/research/tag/PKPI2012](http://www.ipislam.edu.my/index.phd/research/tag/PKPI2012)
- Abu Bakar Ahmed, Zakaria Al Cheikh Mahmoud Awad, & Naziaty Mohd Yacoob. (2014). *The response of accessibility infrastructures for PWD to National Disability Policies in higher institutions of developing countries: Case study of Ahmadu Bello University, Zarian and University of Malaya, Malaysia*. Journal of Surveying, Construction and Property 5(1), 1-16.

- Ahmad Yunus, M. N. (2016). *Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB) Challenges in the Teaching and Learning of Braille al-Qur'an at the Malaysian Association for the Blind (MAB)*. ISLAMIYYAT 38(1), 15 – 24.
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad. (2017). *Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Jurnal al-Turath; Vol. 2, No. 2, 54-59.
- Aydin Kizilaslan ,S. Levent Zorluoglu & Mustafa Sözbilir. (2020). *A hands-on classroom activity to teach science concepts for students with visual impairment*. Journal Science Activities.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi. (2014). *Hubungan antara adab-adab pembelajaran Tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar*. The Online Journal of Islamic Education, Vol 2, Issue 2, 73-82.
- Dursin, A. G. (2012). *Information Design And Education For Visual Impaired And Blind People*. Procedia Social And Behavioral Sciences: 46, 5568-5572. Retrieved from www.sciencedirect.com: Doi:10.1016/j.sbspro.2012.06.477.
- Emmanuel Bassey,Caroline Ellison & Ruth Walker. (2018). *Social capital, social relationships and adults with acquired visual impairment: a nigerian perspective*. Taylor Francis Online.
- Frederickson, N. & Cline, T. (2009). *Special education needs, inclusion and diversity: A textbook*. Edisi ke-2. Philadelphia: Open University Press.
- Hajarul Bahti, Z. (2016). *Amalan Pembelajaran Murid dan Penguasaan Tilawah al-Qur'an dalam kalangan Murid Masalah Penglihatan di Sekolah Menengah*. Bangi: Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasnah Toran, Mohd Hanif Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Norasuzaini Sujak. (2009). *Sokongan dan halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia*. Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education, 1(2), 18-29.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhammad, Mohd Hanif Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Nur Hazwani Hamzah. (2011). *Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPT di Malaysia*. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2(2), 22-34.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). Jabatan Kebajikan Masyarakat. Retrieved from Jabatan Kebajikan Masyarakat: <http://www.jkm.gov.my>
- Johnson, A. L. (2006). *Students with disabilities in postsecondary education: Barriers to Success and implication to professionals*. American Counseling Association.
- Mayara Caroline, Gabrielle, Monika, Karina. (2019). *School experience of the children and adolescent with visual impairment: Family experiences*. Rev. Bas Inferm (72) Suppl.3, 132-138.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran. (2013). *Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 38 (2), 1-9.
- Norhasni Zainal Abiddin, Azahari Ismail, Andi Suwirta. (2015). *Faktor-faktor yang membantu dan menghalang pembelajaran orang dewasa: Implikasi kepada pembangunan sumber manusia*. Jurnal Atikan, Vol 5 (1), 23-32.
- Norlizah Che Hassan, Fatiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2017). *Minat Murid Yang Mengikuti Aliran Tahfiz Dan Bentuk Sokongan Yang Diterima*. Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB) Vol. 1: no. 2, 67-78.

- Norshidah Mohamad Salleh, Manisah Mohd Ali & Khalim Bin Zainal. (2018). *Kemahiran Tingkah Laku Sosial Peringkat Asas dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan*. Jurnal Pendidikan Malaysia 43(1), 41-49.
- Norshidah Mohamad Salleha, Khalim Zainal. (2010). *How and why the visually impaired students socially behave the*. Procedia Social and Behavioral Sciences 9 , 859–863.
- Nur Atiqah Binti Abdul Aziz, Dr. Noornajihan Binti Jaafar. (2018). *Penguasaan pembelajaran al-Quran berbantuan aplikasi multimedia interaktif Smart IQRA': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 2 (2) December, 2590-3799.
- Nur Khairul Nisha Roslan & Haris Abd. Wahab. (2017). *Pencapaian Akademik Pelajar Kurang Upaya Penglihatan yang mengikuti Program Pendidikan Khas*. The Malaysian Journal of Social Administration, 9(1), 45-64.
- Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri & Aizan Sofia Amin. (2018). *Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi*. Jurnal Psikologi Malaysia 32 (3), 131-145.
- Roslinda Alias, Nor Aziah Alias, Abu Bakar Ibrahim, Halimatou Attan, & Azman L Kadir. (2013). *What do the disable students need? A study on the need of the special educations needs (SEN) learners in Malaysian public Universities*. The European Journal of Social & Behavioral Sciences:, 602-623.
- Sacks, S.Z., & Silberman, R.K. (2010). *Modifying and designing Instruction: Social skills. In & H. Koenig A.J., Foundations of Education*. Volume II: Instructional Strategies for Teaching Children and Youths with Visual Impairments. (2nd eds.). (pp. 616-652). New York: AFB Press.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Mohd Ridhuwan Remly, Zulkifli Mohd Yusof, Shafiza Safie. (2016, November 22-24). *Cabaran Pengajian Golongan Hafiz al-Quran di kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia*. Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, pp. 183-193.
- Stacy. M, Kelly, Paul. M & Karen. E, Wolfle . (2015). *The Recreation and Leisure Pursuits of Employed Adults with Visual Impairments in Nigeria: Part 1*. Journal of Visual Impairment, 19-30.
- Sumyea Helal, Jiuyong Li, Lin Liu, Esmaeil Ebrahimie, Shane Dawson & Duncan J. Murray. (2019). *Identifying key factors of student academic performance by subgroup discovery*. International Journal of Data Science and Analytics volume 7, 227–245.
- Victor Feizal Knight, Nurhafizah Muhd Khairi, Rokiah Omar, Azura Ramlee & Muhammad Mohd Isa. (2018). *Characteristics of visually impaired children aged below 4 years in two public tertiary hospitals in Selangor, Malaysia*. Malaysian Journal of Public Health Medicine , Special Volume (1), 18-25.
- Wei Wei, Yan Li Hong, Ying Su. (2020). *Predicting the growth patterns in early mathematics achievement from cognitive and environmental factors among Chinese kindergarten children*. Learning and Individual Differences, volume 79, April.